



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 ( 38 )

Tarikh : 6 Julai 2021

## SIARAN MEDIA

---

### **KEBENARAN PERKHIDMATAN CUCI KENDERAAN DAN PENGOPERASIAN PASAR PAGI DAN PASAR TANI DALAM TEMPOH FASA 2 PELAN PEMULIHAN NEGARA**

---

**PUTRAJAYA, 6 JULAI 2021** – Perkhidmatan Cuci Kenderaan yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah dibenarkan beroperasi di negeri-negeri yang berada dalam Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara. Ini termasuklah pembersihan manual, separa automatik dan automatik. Pasar Pagi dan Pasar Tani juga turut dibenarkan beroperasi dalam tempoh tersebut. Keputusan tersebut dicapai semasa Mesyuarat Khas Jawatankuasa Teknikal Covid-19 yang dipengerusikan oleh YB. Menteri Pertahanan pada 22 Jun 2021.

Perkhidmatan - perkhidmatan tersebut tidak perlu mendapatkan kebenaran beroperasi melalui sistem CIMS yang diselenggara oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Sebaliknya memadai dengan hanya menunjukkan lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh pihak PBT. Sekiranya lokasi perniagaan mereka melibatkan pergerakan merentas daerah atau negeri, mereka perlu mendapatkan kebenaran PDRM dengan mengemukakan lesen perniagaan atau permit penjaja oleh PBT berkaitan.

Bagi Perkhidmatan Cuci Kenderaan, kerja-kerja pembersihan yang dibenarkan adalah meliputi bahagian luaran kenderaan, enjin kereta, dalaman kereta, polish, wax serta pengewapan antibakteria dan pembasmian serangga ruangan dalam kenderaan.

Pasar Pagi dan Pasar Tani dibenarkan beroperasi di Fasa 2 dari 7.00 pagi hingga 11.00 pagi dengan pematuhan SOP yang ketat meliputi bilangan pengunjung dan penjarakan minimum 2 meter. Enam komoditi utama sahaja iaitu ikan, daging, ayam, telur, sayuran dan buah-buahan sahaja dibenarkan untuk dijual. Sementara itu, pasar minggu, pasar malam dan pasar tamu masih tidak dibenarkan dibuka. Orang ramai diminta untuk merujuk laman sesawang rasmi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di <https://www.kpkt.gov.my> bagi memuat turun SOP Perkhidmatan Cuci Kenderaan dan SOP Pasar Pagi dan Pasar Tani.

Pemilik premis dan penjaja kecil yang telah diberi kebenaran beroperasi oleh PBT adalah tertakluk kepada pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan peraturan-peraturan PBT bagi mengekang penularan wabak Covid-19.

**-TAMAT-**

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*